



KERANGKA LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI KETUA UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI (KUPLI) DI KOLEJ VOKASIONAL



RAMLI BIN SAPPAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



**KERANGKA LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI KETUA UNIT
PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI (KUPLI) DI KOLEJ
VOKASIONAL**

RAMLI BIN SAPPAR

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SAINS
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada.....¹⁴.....(hari bulan)...Mei.....(bulan) 20.24...

Perakuan Pelajar:

Saya, RAMLI BIN SAPPAR, M20211000160 FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk KERANGKA LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI KETUA UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI (KUPLI) DI KOLEJ VOKASIONAL adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia:

Saya DR. MOHD AZLAN BIN MOHAMMAD HUSSAIN dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KERANGKA LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI KETUA UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI (KUPLI) DI KOLEJ VOKASIONAL dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA SAINS.

05/07/2024

Tarikh


Dr. Mohd Azlan Bin Mohammad Hussain
Tandatangan Penyelia
Fakulti Teknikal dan Vokasional
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak
No Tel: 010-4025769



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KERANGKA LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI KETUA
UNIT PERHUBUNGAN DAN LATIHAN INDUSTRI (KUPLI) DI
KOLEJ VOKASIONAL

No. Matrik / Matric's No.: M20211000160

Saya / I: RAMLI BIN SAPPAR

(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sains Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 05/07/2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, Sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

Dr. Mohd Azlan Bin Mohammad Hussain

(Tandatangan Penyeja / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cor. Rasmi / Name & Official Stamp)

Dekan
Fakulti Teknikal dan Vokasional
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak
No. Tel: 010-4025769



PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan izin-Nya, tesis ini berjaya disiapkan. Sesungguhnya segala usaha pengkaji dalam menyiapkan tesis sarjana ini adalah dengan rahmat dan limpah kurnia-Nya. Melalui ruangan ini, pengkaji dengan rendah diri ingin merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada penyelia kajian ini iaitu Dekan Fakulti Teknikal dan Vokasional, Ts. Dr. Mohd Azlan bin Mohammad Hussain di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, nasihat, sokongan, dan galakan yang diberikan dalam membantu pengkaji menyiapkan tesis ini dengan sempurna. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Bahagian Tajaan, Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah menaja pengajian saya selama dua tahun. Setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV), Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri (KUPLI) di Kolej Vokasional Negeri Perak serta semua pihak yang memberikan kerjasama tidak terhingga semasa sesi temu bual dijalankan bagi proses pengumpulan data pada kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga buat isteri tercinta Siti Aisyah binti Sulangkir dan anak-anak tersayang Muhammad Amsyar Harraz, Sumayyah Nur Hana, Dhia Nur Amani dan juga Ayra Helena kerana memberi sepenuh kepercayaan serta sentiasa mendoakan yang terbaik dalam apa jua perkara yang saya ceburi. Akhir kalam, semoga kajian ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Sesungguhnya apa yang baik hanyalah daripada Allah dan segala kekurangan adalah dari kelemahan diri saya sendiri. Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Hubungan kolaboratif di antara kolej vokasional dan sektor industri merupakan satu keperluan penting bagi menyediakan graduan berkemahiran tinggi yang selari dengan keperluan semasa di industri. Keperluan kritikal terhadap pelaksanaan kolaboratif industri di kolej vokasional (KV) telah menimbulkan polemik terhadap keupayaan serta kepakaran Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri (KUPLI) dalam menguruskan pelaksanaan hubungan kolaboratif industri ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan bagi meneroka isu yang wujud dalam pelaksanaan hubungan kolaboratif industri di KV serta meneroka keperluan bagi pelaksanaan hubungan kolaboratif industri yang berkesan berdasarkan perspektif KUPLI. Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kualitatif, manakala reka bentuk kajian ini adalah berbentuk kajian kes berbilang sematan (*multiple embeded*). Pengumpulan data dalam kajian ini diperolehi menerusi kaedah temu bual dan juga analisis dokumen. Unit analisis bagi kajian ini terdiri daripada informan KUPLI serta informan Unit Kerjasama dan Hubungan Industri (UKHI), BPLTV dan ditentukan menerusi kaedah persampelan bertujuan. Kajian ini menggunakan kaedah analisis tematik dan dianalisis menggunakan perisian NVIVO12. Daripada analisis yang dibuat, terdapat enam isu dan keperluan yang kritikal bagi pelaksanaan hubungan kolaboratif industri yang berkesan di KV antaranya ialah isu halatuju kolaboratif yang tidak jelas, isu pengurusan latihan, keperluan terhadap interaksi yang berkesan serta keperluan terhadap sistem sokongan yang menyeluruh. Dapatan kajian ini juga digunakan bagi membangunkan sebuah kerangka latihan bagi KUPLI untuk menambahbaik fungsi serta peranannya dalam pelaksanaan hubungan kolaboratif industri. Kajian ini diharap dapat dijadikan garis panduan oleh pihak-pihak yang berkepentingan terhadap pelaksanaan hubungan kolaboratif industri di KV serta pengurusan latihan terhadap KUPLI dalam menjayakan hubungan kolaboratif industri yang berkesan.



IN-SERVICE TRAINING FRAMEWORK FOR HEADS OF INDUSTRIAL RELATIONS AND TRAINING UNIT (KUPLI) AT VOCATIONAL COLLEGE

ABSTRACT

A collaborative relationship between vocational colleges and the industry sector is an important requirement to provide highly skilled graduates that are in line with the current needs of the industry. The critical need for the implementation of industrial collaboration in vocational colleges (KV) has given rise to controversy over the ability and expertise of the Head of Industrial Relations and Training Unit (KUPLI) who is responsible for managing the implementation of this industry collaborative relationship. Therefore, this study was conducted to explore the issues that exist in the implementation of industrial collaborative relations in KV as well as to explore the need for the implementation of effective industrial collaborative relations based on the perspective of KUPLI. This study is carried out using a qualitative approach, while the design of this study is in the form of a multiple embedded case study. Data collection in this study was obtained through interviews and document analysis. The analysis unit for this study consists of KUPLI and the Industrial Relations and Cooperation Unit (UKHI), BPLTV informants and is determined through a purposive sampling method. This study uses thematic analysis method and is analyzed using NVIVO12 software. From the analysis made, there are six critical issues and requirements for the implementation of effective industrial collaborative relations in KV, among which are the issue of unclear collaborative direction, training management issues, the need for effective interaction and the need for a comprehensive support system. The findings of this study also be used to develop a training framework for KUPLI to improve its function and role in the implementation of industry collaborative relationships. It is hoped that this study can be used as a guideline by interested parties for the implementation of industrial collaborative relations in KV as well as training management for KUPLI in making effective industrial collaborative relations a success.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
--	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	xv
-----------------------	----

SENARAI RAJAH	xvi
----------------------	-----

SENARAI SINGKATAN	xvii
--------------------------	------

BAB 1	Pengenalan	1
--------------	-------------------	---

1.1	Pendahuluan	1
-----	-------------	---

1.2	Latar Belakang Kajian	3
-----	-----------------------	---

1.3	Penyataan Masalah	11
-----	-------------------	----

1.4	Objektif Kajian	15
-----	-----------------	----

1.5	Persoalan Kajian	15
-----	------------------	----

1.6	Kerangka Konsep Kajian	16
-----	------------------------	----



1.7	Kepentingan Kajian	18
1.7.1	Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV)	19
1.7.2	Kolej Vokasional	20
1.7.3	Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI)	20
1.7.4	Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri (KUPLI)	21
1.8	Skop Kajian	21
1.9	Batasan Kajian	22
1.10	Definisi Istilah	22
1.10.1	Kerangka Latihan	23
1.10.2	Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)	23
1.10.3	Kolaboratif Industri	23
1.10.4	Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI)	24
1.10.5	Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri (KUPLI)	24
1.11	Rumusan	25
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	26
2.1	Pendahuluan	26
2.2	Pembangunan Modal Insan	27
2.2.1	Kurikulum Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional	29
2.2.2	Perspektif Terhadap Keperluan Industri	32
2.3	Transformasi Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (TVET)	37

2.4	Kolaboratif Industri	39
2.5	Bidang-Bidang Strategik Dalam Kolaboratif Industri	41
2.5.1	Kerjasama Dalam Pemindahan Teknologi	42
2.5.2	Kerjasama Bagi Perkongsian Maklumat dan Kepakaran	44
2.5.3	Kerjasama Dalam Program Latihan	46
2.5.4	Kerjasama Dalam Konsultasi Teknikal	48
2.5.5	Kerjasama Bagi Sumbangan Dana Kewangan	50
2.5.6	Kerjasama Dalam Perkongsian Sumber	52
2.5.7	Kerjasama Dalam Pembangunan Kurikulum	54
2.6	Amalan Baik Dalam Pembentukan Kolaboratif Industri	57
2.7	Pembangunan Profesional Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri (KUPLI)	59
2.7.1	Konsep dan Tujuan Program Latihan di Organisasi	61
2.7.2	Kaedah Pelaksanaan Latihan Dalam Perkhidmatan	63
2.8	Model Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB)	66
2.8.2	Model Penilaian Latihan	69
2.9	Halangan Dalam Pembentukan Kolaboratif Yang Berkesan	72
2.9.1	Isu Perbezaan Budaya Institusi Pendidikan – Industri	74
2.9.2	Isu Keyakinan dan Kepercayaan	76
2.9.3	Isu Dalam Komunikasi Interpersonal	78

2.9.4	Isu Dalam Kemahiran Rundingan Yang Berkesan	80
2.10	Kajian-kajian Lepas	82
2.10.1	Kerangka Pelaksanaan Hubungan Kolaboratif Yang Strategik	83
2.10.2	Kemahiran Rundingan Dalam Kolaboratif	85
2.11	Rumusan	87
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	89
3.1	Pendahuluan	89
3.2	Pendekatan Kajian	89
3.3	Reka Bentuk Kajian	91
3.4	Persampelan	94
3.5	Instrumen Kajian	96
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	99
3.6.1	Temu Bual	100
3.6.2	Analisis Dokumen	102
3.7	Analisis Data	104
3.7.1	Pengurusan Data	106
3.8	Prosedur Kajian	108
3.9	Etika Kajian	109
3.9.1	Protokol Temu Bual	110
3.9.2	Kajian Rintis	111
3.10	Kesahan dan Kebolehpercayaan	115

3.11	Rumusan	116
------	---------	-----

BAB 4 DAPATAN PENYELIDIKAN 118

4.1	Pendahuluan	118
-----	-------------	-----

4.2	Informan	118
-----	----------	-----

4.3	Dapatan Persoalan Kajian 1: Bagaimanakah Hubungan Kolaboratif Industri di Kolej Vokasional Dilaksanakan?	119
-----	--	-----

4.3.1	Penempatan latihan pelajar ke industri melalui program <i>On-The Job Training (OJT)</i>	120
-------	---	-----

4.3.2	Penjaminan Kualiti Bagi Program Pengajian di KV	124
-------	---	-----

4.3.3	Berfokuskan Kepada Pembangunan Modal Insan Berkualiti	129
-------	---	-----

4.3.4	Perkongsian Profesional Antara KV dan Industri	133
-------	--	-----

4.4	Dapatan Persoalan Kajian 2: Apakah Isu Dan Keperluan Dalam Mewujudkan Hubungan Kolaboratif Industri Yang Berkesan?	138
-----	--	-----

4.4.1.1	Isu Matlamat Kolaboratif Yang Tidak Jelas	139
---------	---	-----

4.4.1.2	Isu Pengurusan Latihan Yang Tidak Sistemik	142
---------	--	-----

4.4.1.3	Isu Penguasaan Bidang Tugas	145
---------	-----------------------------	-----

4.4.1.4	Isu Pendekatan Strategi Dalam Pelaksanaan Kolaboratif	147
---------	---	-----

4.4.1.5	Isu Penerangan Yang Kurang Berkesan	150
---------	-------------------------------------	-----

4.4.1.6	Isu Birokrasi	153
---------	---------------	-----

4.4.1.7	Keperluan Terhadap Interaksi Yang Berkesan	154
---------	--	-----

4.4.1.8	Keperluan Terhadap Etika Kerja Yang Baik	156
4.4.1.9	Keperluan Kepimpinan Transformasional	159
4.4.1.10	Keperluan Terhadap Libat Urus Pelbagai Peringkat	161
4.4.1.11	Keperluan Terhadap Sistem Sokongan Yang Menyeluruh	162
4.4.1.12	Keperluan Penetapan Kriteria Lantikan KUPLI	165
4.5	Dapatan Persoalan Kajian 3: Apakah Komponen-Komponen Bagi Mewujudkan Hubungan Kolaboratif Industri Yang Berkesan?	167
4.5.1	Kepimpinan Instruksional	167
4.5.2	Reputasi	170
4.5.3	Komunikasi Organisasi	172
4.5.4	Inisiatif	174
4.5.5	Manipulasi	176
4.6	Kesimpulan	179
BAB 5	PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN	186
5.1	Pendahuluan	186
5.2	Perbincangan	188
5.3	Isu-isu Pelaksanaan Kolaboratif Industri di Kolej Vokasional	188
5.3.1	Isu Matlamat Kolaboratif Yang Tidak Jelas	189
5.3.2	Isu Pengurusan Latihan Yang Tidak Sistematis	191

5.3.3	Isu Penerangan	195
5.3.4	Isu Birokrasi	198
5.4	Keperluan Bagi Pelaksanaan Kolaboratif Industri Yang Berkesan	200
5.4.1	Keperluan Terhadap Interaksi Yang Berkesan	201
5.4.2	Keperluan Terhadap Kepimpinan Transformasional	203
5.4.3	Keperluan Terhadap Sistem Sokongan Kerja Yang Menyeluruh	205
5.4.4	Keperluan Bagi Kriteria Pelantikan KUPLI	207
5.5	Komponen-komponen Kolaboratif Industri Yang Berkesan	210
5.5.1	Kepimpinan Instruksional	211
5.5.2	Reputasi	212
5.5.3	Komunikasi Organisasi	214
5.5.4	Inisiatif	216
5.5.5	Manipulasi	218
5.6	Implikasi dan Sumbangan Kajian	220
5.6.1	Implikasi dan Sumbangan Kajian Terhadap Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV)	221
5.6.2	Implikasi dan Sumbangan Kajian Terhadap Kolej Vokasional	222
5.6.3	Implikasi dan Sumbangan Kajian Terhadap Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI)	222
5.6.4	Implikasi dan Sumbangan Kajian Terhadap Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri (KUPLI)	223

5.7 Cadangan Kajian Lanjutan 223

5.7.1 Kajian Melibatkan Informan Dari Kalangan Pihak Industri 224

5.7.2 Kajian Melibatkan Kaedah Pemerhatian Semasa Proses Kolaboratif Berlangsung 224

5.8 Rumusan 224

RUJUKAN 226

LAMPIRAN 245

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Jenis Kemahiran Dalam Pekerjaan	34
2.2 Komponen Amalan Baik Dalam Pembentukan Kolaboratif Industri	58
2.3 Konsep Latihan di Organisasi	62
2.4 Tujuan Pelaksanaan Program Latihan di Organisasi	63
2.5 Halangan Dalam Pembentukan Kolaboratif Industri	73
2.6 Atribut Pengendali Hubungan Kolaboratif Yang Berjaya	86
3.1 Senarai Semak Dokumen Untuk Tujuan Analisis	104
3.2 Komponen-komponen Protokol Temu Bual	111
3.3 Fokus Bagi Temu Bual Rintis	113
4.1 Profil Informan	119
4.2 Skop Pelaksanaan Kolaboratif Industri di KV	120
4.3 Isu-isu Dalam Pelaksanaan Hubungan Kolaboratif di KV	138
4.4 Keperluan Dalam Pelaksanaan Hubungan Kolaboratif di KV	138
4.5 Komponen Kolaboratif Industri Yang Berkesan	167

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka konsep kajian ini diadaptasi dari kerangka konsep Khairuneezam (2004)	16
2.1 Model Pembangunan Profesionalisme Berterusan	67
2.2 Pendekatan Pembangunan Profesionalisme Berterusan	68
2.3 Model Kirkpatrick (1994)	70
2.4 Kerangka Kolaboratif Strategik Kolej Vokasional-Industri	84
3.1 Jenis-jenis Asas Reka Bentuk Kajian Kes (Sumber: Yin, 2003)	93
3.2 Reka Bentuk Kajian Kes Berbilang Sematan (<i>multiple embedded case study</i>)	94
3.3 Carta Alir Pengurusan Data	107
3.4 Carta Alir Prosedur Kajian	108
4.1 Rumusan Pelaksanaan Kolaboratif Industri di Kolej Vokasional	180
4.2 Isu-Isu Dan Keperluan Hubungan Kolaboratif Industri di KV	181
4.3 Komponen-komponen Pelaksanaan Kolaboratif Industri Yang Berkesan	182
4.4 Kerangka Latihan Dalam Perkhidmatan Bagi KUPLI	183



SENARAI SINGKATAN

AI	Kecerdasan Buatan
BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPLTV	Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
CNC	Kawalan Berangka Komputer
CO	Garis Panduan Kursus
CSR	Tanggungjawab Sosial Dan Korporat
EPU	Unit Perancangan Ekonomi
ETP	Program Transformasi Ekonomi
GPKHIKV	Garis Panduan Kerjasama dan Hubungan Industri Kolej Vokasional
ICT	Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
IR4.0	Revolusi Perindustrian 4.0
KPI	Petunjuk Prestasi Utama
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KUPA	Ketua Unit Perhubungan Awam
KUPLI	Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri
KV	Kolej Vokasional
LDP/LADAP	Latihan Dalam Perkhidmatan
LSI	Latihan Sangkutan Industri
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MBOT	Lembaga Teknologi Malaysia



MoU	Memorandum Persefahaman
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
NoU	Nota Persefahaman
OBE	Pembelajaran Berasaskan Hasil
OJT	<i>On-The-Job Training</i>
PIPPK	Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan
PLC	<i>Professional Learning Community</i>
PPB	Pembangunan Profesionalisme Berterusan
PPKPM	Pekeliling Perkhidmatan KPM
PPP	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PPPM-PT	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia – Pendidikan Tinggi
R&D	Penyelidikan Dan Pembangunan
SE	<i>School Enterprise</i>
SGM	Standard Guru Malaysia
SPKHI	Sektor Pembangunan Kejurulatihan dan Hubungan Industri
TVET	Pendidikan Serta Latihan Teknik dan Vokasional
UKHI	Unit Kerjasama dan Hubungan Industri
UPLI	Unit Perhubungan dan Latihan Industri

SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan Bersyarat Untuk Menjalankan Kajian
- B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Oleh BPLTV
- C Surat Pengesahan Pelajar Untuk Membuat Penyelidikan
- D Surat Kelulusan Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia
- E Contoh Surat Permohonan Menjalankan Kajian Di Kolej Vokasional
- F Contoh Penerangan Dan Persetujuan Responden
- G Kerangka Soalan Separa Berstruktur Mengikut Kategori
- H Proses Kesahan Inventori Protokol Temubual
- I Protokol Temubual KUPLI Dan UKHI
- J Transkrip Mentah
- K Contoh Analisis Temu Bual
- L Contoh Analisis Matriks Dan Pemadanan Pola



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pembentangan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) pada 27 November 2021 telah menetapkan hala tuju strategik negara bagi mencapai objektif “Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan”. Hala tuju strategik negara ini akan dicapai melalui tiga tema, empat pemangkin dasar serta empat belas pemacu perubahan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan pengagihan peluang dan hasil yang saksama selaras dengan iltizam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Langkah komprehensif yang bakal diambil oleh kerajaan adalah dengan menerapkan pendekatan *whole-of-nation approach* yang melibatkan kerjasama seluruh jentera dan agensi kerajaan, industri serta masyarakat. Tujuan pendekatan ini dilaksanakan adalah bagi mewujudkan pembaharuan untuk menangani beberapa cabaran dalam struktur ekonomi, penyediaan tenaga kerja pada masa hadapan, merapatkan jurang pembangunan antara wilayah serta keberkesanan penyampaian (RMKe-12, 2021).



Dalam usaha menangani cabaran penyediaan tenaga kerja pada masa hadapan, fokus kerajaan dalam meningkatkan kualiti kemahiran teknikal dan vokasional (TVET) dapat dilihat menerusi pertambahan peruntukan belanjawan yang semakin meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Usaha yang signifikan ini diterjemahkan melalui penyaluran peruntukan yang semakin meningkat pada belanjawan bagi tahun 2020 sehingga tahun 2022 yang mana sejumlah dari RM 5.9 billion hingga RM 6.6 billion telah dibelanjakan menerusi pelbagai bentuk inisiatif yang dirangka terhadap keperluan semasa latihan TVET negara (Belanjawan, 2022). Inisiatif ini dapat dilihat menerusi 1) Pemangkin Dasar 1: Membangunkan Bakat Masa Hadapan pada Rancangan Malaysia Ke-12; 2) Teras Strategik Ketiga: Modal Insan pada Wawasan Kemakmuran Bersama 2030; 3) Lonjakan Empat: Graduan TVET Berkualiti pada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi); dan 4) Strategi Keempat: Pemerkasaan Hubungan Industri pada Pelan Strategik Kebolehpasaran Graduan 2021-2025. Inisiatif-inisiatif ini adalah merupakan satu bentuk pemangkin dalam usaha mengurus perdanakan bidang TVET bagi menyumbang kepada pembentukan negara membangun yang makmur dan inklusif.

Penerbitan polisi yang bertajuk “*Industry4WRD*” oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada bulan Oktober 2018 telah menjadi rujukan bagi mempersiapkan perniagaan serta sektor-sektor perkilangan di Malaysia untuk menghadapi cabaran Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0) (Shukri, 2020). Proses peralihan landskap perindustrian yang lebih bercorakkan kecerdasan buatan (AI) di zaman IR4.0 ini telah mewujudkan satu bentuk polemik terhadap penyediaan tenaga kerja mahir negara bagi mencapai kemampuan daya saing industri yang berselari dengan polisi yang ditetapkan kerajaan. Cabaran dalam melahirkan pekerja



berkemahiran tinggi dalam perubahan teknologi ini, telah mendorong satu anjakan paradigma kepada institusi-institusi pendidikan yang melahirkan bakat kemahiran. Institusi pendidikan seharusnya lebih berdaya saing dalam memenuhi keperluan semasa industri dengan menawarkan program-program latihan yang berdaya saing menerusi pemerksaan hubungan kolaboratif industri yang strategik bagi mengimbangi penawaran dan juga permintaan tenaga kerja semasa.

1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam dunia akademik pada hari ini, peranan industri dilihat penting dalam usaha menghasilkan modal insan yang holistik, berkemahiran tinggi dan memenuhi keperluan pasaran kerja (Syuhaimi, 2020). Menurut Saud (2021), modal insan yang berkemahiran tinggi adalah modal insan yang mampu bertindak balas dengan cepat dan kreatif terhadap perubahan dengan berpaksikan penjanaaan dan penggunaan ilmu pengetahuan. Justeru, modal insan yang dihasilkan oleh institusi-institusi pendidikan dan juga latihan kemahiran seharusnya kompeten dengan tahap kemahiran yang tinggi dengan mempunyai asas pekerjaan yang menyeluruh agar mempunyai daya saing yang lebih tinggi. Selain dari itu juga, modal insan yang dihasilkan oleh institusi pendidikan serta institusi latihan harus memenuhi keperluan semasa modal insan di industri yang sentiasa berubah. Matlamat ini boleh dicapai melalui hubungan kerjasama yang berkesan di antara institusi pendidikan dan juga sektor industri. Hal ini kerana, menerusi hubungan kolaboratif industri, gabungan kemahiran, kepakaran dan juga pengetahuan antara insituti pendidikan dengan sektor industri dapat dibentuk bagi panjanaaan manfaat bersama dalam prospek pembinaan modal insan yang berkemahiran





tinggi. Kajian yang dijalankan oleh Bjursell dan Ramsten (2020) menyatakan bahawa, kerjasama antara institusi pendidikan dan juga industri dapat menyumbang kepada penjana kurikulum pendidikan yang relevan, mewujudkan rangkaian di antara masyarakat dan bakal majikan, serta merupakan satu bentuk kaedah pembelajaran sepanjang hayat.

Sehubungan dengan itu, menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi), pihak kerajaan telah menyenaraikan beberapa inisiatif bagi memperkasa hubungan kerjasama di antara pemain industri dengan institusi pendidikan melalui hubungan kerjasama yang berbentuk perkongsian kepakaran dan juga khidmat nasihat. Antaranya ialah kerjasama dalam mereka bentuk kurikulum yang dipacu industri, penerimaan bagi menjalani atihan industri dan amali pelajar, perantisan, kemudahan latihan industri serta meningkatkan kualiti tenaga pengajar dan penyampaian program. Selaras dengan perubahan terhadap landskap pembelajaran di kolej vokasional (KV) sejurus Pelaksanaan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang bermula pada tahun 2011, wujud keperluan bagi pelaksanaan hubungan kerjasama dengan pihak industri dan juga pemegang-pemegang taruh yang berkaitan. Keperluan bagi pelaksanaan hubungan kerjasama industri ini adalah disebabkan oleh prosedur pematuhan terhadap ketetapan kriteria pada struktur pengajian program, pengurusan akademik dan juga akreditasi. Justeru itu, sebanyak lapan puluh enam (86) buah KV di seluruh negara telah terlibat dalam pelaksanaan hubungan kolaboratif industri menerusi Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) yang mana pelaksanaannya adalah di bawah tanggungjawab Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri (KUPLI) di KV masing-masing. Menurut Garis Panduan Kerjasama dan Hubungan Industri Kolej Vokasional (GPKHIKV)





(2021), UPLI adalah merupakan sebuah unit di kolej vokasional yang berperanan dalam merancang dan menyelaraskan semua aktiviti yang melibatkan pelaksanaan latihan industri pelajar serta terlibat dalam melaksanakan proses kerjasama dengan mana-mana organisasi. Oleh yang demikian, melalui pelaksanaan hubungan kerjasama bersama pihak industri dan juga organisasi-organisasi luar ini, ia dilihat mempunyai peranan yang signifikan dalam memberi nilai tambah terhadap pelaksanaan Kurikulum Standard Kolej Vokasional (KSKV), proses peningkatan kemahiran, pemindahan teknologi serta aktiviti-aktiviti yang dapat memberikan manfaat bagi KV dan juga pelajar (GPKHIKV, 2021).

Selain dari itu, tempoh pelaksanaan transformasi di KV yang berlangsung sekitar tahun 2011 sememangnya merupakan satu tempoh waktu yang amat singkat dalam membina kematangan serta kepakaran dalam pelaksanaan hubungan kolaboratif industri yang berkesan. Hal ini kerana, proses dalam membina kematangan dan juga proses peningkatan bagi sesuatu kemahiran adalah merupakan suatu proses yang berterusan dan memerlukan proses penambahbaikan yang berkala (Rahim, 2021). Manakala, menurut Zainuddin dan Roslinda (2017) hubungan kerjasama industri di antara institusi pengajian dengan sektor industri masih lagi terhad dan tidak menyeluruh. Justeru itu, pelbagai pendekatan dan juga langkah penambahbaikan perlu dilaksanakan bagi meningkatkan jumlah pelaksanaan hubungan kolaboratif industri yang berjaya, contohnya seperti menerusi strategi bimbingan mentor, latihan yang sistematik dan berfokus, pendedahan terhadap budaya industri yang meluas dan sebagainya (Awashy, Flint, Sankarnarayana dan Jones, 2020). Namun, dalam konteks pelaksanaannya di KV, hubungan kolaboratif bersama industri masih lagi berada tahap yang sederhana (Rahim, 2021). Hal ini adalah kerana, pelaksanaan hubungan





kolaboratif industri yang dijalankan hanya menjurus kepada proses penjenamaan yang bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar serta membina keyakinan kepada sektor industri dalam konteks penawaran pekerjaan (Wahid dan Kassim, 2020). Justeru itu, manfaat sebenar kolaboratif industri tidak dapat dioptimumkan sepenuhnya kerana aktiviti yang dilaksanakan hanya berfokus kepada penjenamaan sahaja. Sehubungan dengan itu, Syuhaimi (2020) menyatakan bahawa walaupun kolaboratif bersama industri telah sedia ada dilaksanakan, masih terdapat pelbagai isu yang timbul menerusinya kerana kurangnya perancangan yang strategik bagi memaksimumkan manfaat hubungan kerjasama. Hal ini secara tidak langsung akan membawa kesan terhadap pembaziran sumber dan juga krisis kepercayaan oleh pihak industri terhadap kebolehan pasukan pelaksana bagi hubungan kolaboratif industri di KV pada masa hadapan (Rahim, 2021).



Oleh yang demikian, sebelum sesebuah hubungan kolaboratif industri dijalankan, pelbagai aspek perlu diambil kira secara menyeluruh termasuklah dari segi persediaan yang mencukupi dan juga wakil pelaksana yang berkaliber. Perkara ini adalah disebabkan oleh proses pembentukan hubungan kolaboratif bersama industri merupakan satu proses yang mencabar dan memerlukan pendekatan yang pelbagai serta strategi (Awashthy et al., 2020). Justeru itu, antara cabaran yang wujud di dalam pelaksanaannya ialah kesan langsung terhadap keperluan pemahaman budaya industri yang malar bagi tujuan pelaksanaan hubungan kerjasama industri yang berkesan oleh UPLI di kolej vokasional pada masa kini. Hal ini kerana, industri dan juga institusi pendidikan adalah merupakan dua buah entiti yang mempunyai perbezaan dari segi matlamat, kepentingan, orientasi kerja dan juga ciri-cirinya. Menurut Rahim (2021), antara faktor kegagalan pembentukan hubungan kolaboratif industri adalah disebabkan





oleh kegagalan dalam mengenalpasti perbezaan minat, jangkaan serta budaya organisasi. Oleh yang demikian, perbezaan yang wujud ini semestinya memberikan kesan dalam mengenalpasti strategi yang boleh dibentuk semasa proses pembentukan kolaboratif disebabkan oleh terdapatnya konflik kepentingan dan jangkaan dalam hala tuju kerjasama. Selari dengan Awashty et al. (2020), beliau menyatakan bahawa kegagalan dalam mengenalpasti strategi dalam pembentukan hubungan kerjasama industri adalah merupakan salah satu bentuk halangan utama terhadap kemajuan kerjasama yang dibentuk.

Seraya itu, menerusi program bimbingan dan latihan yang baik serta pembangunan kompetensi secara komprehensif, ia adalah merupakan satu bentuk pendekatan yang boleh digunakan bagi membentuk individu yang kompeten dan berkecayaan tinggi (Yahya, Samsuddin, Mat Jizat dan Krishnan, 2017). Oleh yang demikian, Awashty et al. (2020) dalam kajiannya telah menyatakan bahawa bagi membina sebuah hubungan industri yang berjaya program bimbingan permulaan dan permentoran perlu diwujudkan bagi memandu hubungan kerjasama yang berkesan. Selain keperluan bagi bimbingan permulaan, kemahiran dalam perundingan yang dimiliki oleh KUPLI juga adalah merupakan faktor penentu terhadap kejayaan bagi hubungan kolaboratif industri yang dijalankan. Hal ini kerana, hubungan kolaboratif memerlukan kepercayaan, manakala kepercayaan pula boleh dibina menerusi proses rundingan yang berkesan (Akilandeswari, Kumar, Pavithra, Mariyam dan Banu, 2015). Manakala menurut Rahim (2021) pula, kegagalan dalam kerjasama adalah berkait rapat dengan elemen keyakinan dan kepercayaan kerana melaluinya pemahaman berkenaan objektif dan juga keperluan dapat dibina. Justeru itu, lantikan KUPLI yang kurang berpengalaman dalam persekitaran budaya kerja industri serta kurang kompeten





terhadap kemahiran interpersonal yang baik merupakan antara cabaran dalam mewujudkan hubungan kolaboratif yang berkesan (Zahir dan Sattar, 2015). Ini kerana, gabungan pengetahuan dan juga penjiwaan watak wakil perunding yang tidak mempunyai keselarian akan memberikan kesukaran bagi proses membina kepercayaan kerana proses dinamik bagi hubungan kolaboratif terbina menerusi interaksi formal dan tidak formal (Karim, 2018).

Selain dari itu, halatuju dan matlamat yang kurang jelas terhadap pelaksanaan hubungan kolaboratif industri juga adalah merupakan isu yang masih dihadapi di dalam pelaksanaan hubungan kerjasama industri di KV (Rahim, 2021). Hal ini mungkin disebabkan oleh tanggungjawab dalam membuat penilaian dan juga keputusan terhadap pemilihan jenis industri yang bersesuaian serta bentuk-bentuk kerjasama yang difokuskan berikan secara terus kepada KUPLI berdasarkan kepada justifikasi yang dibuat olehnya. Perkara ini akan memberikan kekangan dalam penetapan matlamat dan juga halatuju kolaboratif industri yang piawai apabila melibatkan sejumlah lapan puluh enam (86) orang KUPLI yang terlibat bagi pelaksanaan hubungan kolaboratif industri di seluruh Malaysia. Oleh yang demikian, menurut Karim (2018) perkara ini berlaku dalam pelaksanaan hubungan kolaboratif industri di KV disebabkan oleh ketiadaan instrumen atau satu bentuk kayu ukur yang jelas bagi menilai keberkesanan hubungan kerjasama yang dijalankan di antara KV dan juga industri. Justeru itu, perbezaan dalam pembentukan hala tuju, matlamat dan juga hasil kolaboratif tanpa adanya satu bentuk instrumen yang jelas dan piawai akan membawa kepada kesan terhadap perbezaan manfaat yang diraih dan implikasi terhadap penjenamaan KV yang berbeza-beza.

Sehubungan dengan itu, isu-isu berkaitan dengan pelaksanaan dan keberkesanan hubungan industri di KV memerlukan satu bentuk penambahbaikan yang





berterusan bagi memastikan kemampunan dan juga kerelevanan program-program pengajian yang dikendalikannya. Dengan demikian, menerusi langkah penjaminan kualiti dan juga perakuan akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) terhadap program-program di KV dilaksanakan bagi memastikan standard kualiti pendidikan di KV diiktiraf dan mencapai objektif yang ditetapkan. Bagi memenuhi keperluan akreditasi pada program pengajian di KV, pandangan serta kepakaran pihak industri diperlukan bagi menambah baik struktur kandungan kurikulum dan juga proses pelaksanaan amali pelajar agar memenuhi spesifikasi dan juga selari dengan keperluan industri semasa. Menerusi perlantikan yang dibuat terhadap pakar-pakar industri sebagai penasihat program dan juga teknikal, perlantikan ini dilihat sebagai satu proses dalam mendapatkan maklumbalas dan juga khidmat nasihat bagi memastikan kursus-kursus pengajian di KV sentiasa seiring dengan kehendak industri. Akan tetapi, penyertaan pihak industri dalam memberi khidmat nasihat bagi penyusunan kurikulum masih kurang memberangsangkan. Pernyataan ini selari dengan dapatan kajian oleh Zainuddin dan Roslinda (2017) yang menyatakan bahawa, penglibatan sektor industri dalam proses penyusunan semula kurikulum kemahiran masih lagi kurang dan hanya segelintir sahaja yang menunjukkan minat dan kesungguhan terhadapnya.

Seterusnya, dalam proses melahirkan modal insan yang berkemahiran serta mempunyai tahap kebolehkeraan yang tinggi terhadap keperluan semasa pekerjaan, pelaksanaan program latihan pelajar di industri perlu diperluaskan bagi memperkasa nilai kebolehpasaran graduan yang bakal memasuki alam pekerjaan yang sebenar. Melalui pembentukan hubungan kolaboratif industri yang berperanan dalam menepatkan pelajar bagi menjalani latihan praktikal, ia juga boleh berperanan dalam merintis peluang bagi menerokai hubungan kerjasama bagi penempatan pekerjaan





graduan yang telah tamat belajar. Namun, menurut kajian Bjursell dan Ramsten (2020) pembentukan hubungan kerjasama di antara industri dan juga institusi pendidikan pada kebiasaannya lebih cenderung untuk berlaku bergantung kepada jarak geografi yang lebih hampir di antara kedua-dua pihak yang akan bekerjasama. Sehubungan dengan itu, dalam konteks hubungan kerjasama industri di KV yang mempunyai bilangan jumlah pelajar yang ramai serta taburan lokaliti KV yang terletak di kawasan bandar dan luar bandar, ia akan mewujudkan satu bentuk polemik terhadap jurang padanan bagi pemilihan industri yang bersesuaian dengan skop kerjasama industri yang diperlukan. Hal ini kerana, penyertaan sektor swasta dalam aspek pelaburan dan juga aktiviti ekonomi di kawasan luar bandar masih di tahap yang rendah berbanding di kawasan bandar yang merupakan pusat tumpuan penduduk dan pertumbuhan ekonomi (RMKe-11, 2015).



Oleh yang demikian, kesan daripada ketidakpadanan bentuk geografikal ini akan membawa kepada perbezaan keperluan pekerjaan, jenis industri yang berkaitan dan juga terhadap penawaran bagi penempatan tempat latihan (Zuhdi, Nizam dan Ruhizam, 2017). Namun, kajian yang dijalankan oleh Bjursell dan Ramsten (2020) pula menyatakan bahawa kekangan terhadap faktor geografi jarak bagi pelaksanaan hubungan kerjasama industri akan berubah sekiranya institusi pendidikan mempunyai kekuatan tersendiri yang mampu menarik minat industri untuk mewujudkan kerjasama. Justeru, menerusi proses rundingan yang baik dan berkesan, serta kebolehan dalam mengenalpasti kriteria industri yang bersesuaian, ia akan menentukan tahap kualiti hubungan kolaboratif industri yang dijalankan walaupun terdapat perbezaan geografi yang ketara. Sehubungan dengan itu, hubungan kolaboratif industri yang berkesan seharusnya dilaksanakan dengan langkah persediaan yang mencukupi, dikendalikan





oleh wakil kolaboratif industri yang terlatih, serta mempunyai kemampuan yang tinggi dalam mengendalikan proses rundingan kolaboratif yang berkesan. Dengan demikian, menerusi proses rundingan yang berkesan pula, persepsi yang baik dapat dibina bagi menjamin peluang kejayaan hubungan kolaboratif industri yang lebih tinggi.

1.3 Penyataan Masalah

Hubungan kerjasama antara KV dan sektor industri dilihat semakin penting dalam meningkatkan pembangunan ekonomi negara. Penglibatan secara langsung pihak industri di dalam sistem pendidikan di KV merupakan satu keperluan yang penting dalam memupuk dan menyokong pembentukan modal insan berkemahiran tinggi, kompeten terhadap pelbagai jenis kemahiran seperti kemahiran teknikal dan bukan teknikal serta mempunyai daya saing yang tinggi. Justeru, menerusi hubungan kolaboratif industri juga, ia diharapkan dapat memberikan kesan yang signifikan dalam kerjasama terhadap bidang penyelidikan, pembelajaran, pengajaran, perkhidmatan, pembangunan profesional tenaga pengajar dan apa-apa juga aktiviti ilmiah yang berkaitan bagi penjanaaan manfaat kepada KV dan juga industri (GPKHIKV, 2021).

Oleh yang demikian, dalam usaha mewujudkan hubungan kolaboratif industri yang berkesan, terdapat beberapa isu yang dikenalpasti antaranya ialah berkenaan dengan landskap pendidikan sekolah menengah vokasional sebelum berlakunya proses transformasi di KV adalah berorientasikan peperiksaan (Zahir dan Sattar, 2015); perbezaan kepakaran dan juga latar belakang organisasi (Ramli dan Senin, 2021); bentuk geografi yang tidak sepadan dan membawa kepada perbezaan jenis



perindustrian (Zuhdi et al., 2017); serta ketiadaan sistem sokongan yang komprehensif seperti bimbingan permulaan dan juga permentoran disebalik keperluan hubungan kolaboratif industri yang semakin meningkat (Ghare dan Umarani, 2020). Hal ini seterusnya boleh membawa kepada implikasi terhadap hubungan-hubungan kolaboratif industri yang tidak dapat didokumenkan (Rahim, 2021). Selain dari itu juga, percanggahan budaya di antara institusi pendidikan dan sektor industri boleh membawa kepada perbezaan terhadap nilai dan matlamat bagi sesebuah hubungan kolaboratif yang ingin dibentuk (Norzaini dan Morshidi, 2021).

Justeru itu, bagi menangani isu-isu tersebut ia memerlukan satu bentuk kekuatan dan juga strategi yang menyeluruh bagi wakil kolaboratif yang dilantik oleh institusi pendidikan dalam memainkan peranannya dalam proses pembinaan hubungan kolaboratif industri yang berkesan. Sehubungan dengan itu, wakil kolaboratif industri yang dilantik seharusnya terdiri daripada KUPLI-KUPLI yang berkaliber, mempunyai kemahiran-kemahiran yang khusus dalam aspek perundingan dan juga hubungan interpersonal yang baik agar matlamat kerjasama yang unggul dapat dicapai. Ini adalah kerana, kelemahan dalam proses pengendalian hubungan kolaboratif kesan daripada kepincangan dalam pengendalian, pengurusan, komunikasi, birokrasi dan juga kelemahan terhadap budaya yang berorientasikan hasil merupakan halangan kepada hubungan kolaboratif industri yang berkesan (Norzaini dan Morshidi, 2021).

Kajian yang dijalankan oleh Awashty et al. (2020) mendapati, kejayaan bagi sesebuah hubungan kolaboratif industri memerlukan usaha yang signifikan, pemahaman yang baik dan juga pengalaman yang mendalam. Manakala menurut Ramli dan Senin (2019), bagi mencapai hubungan kolaboratif yang berjaya kedua-dua pihak yang berkolaboratif perlu menetapkan matlamat yang jelas serta mempunyai kemahiran



yang kritis dalam penetapan matlamat yang direncanakan. Justeru, proses pemantapan kemahiran rundingan dan hubungan interpersonal yang efektif perlu disediakan bagi meningkatkan tahap keyakinan serta kecekapan KUPII semasa mengendalikan perbincangan kolaboratif industri. Selain dari itu, kajian yang dijalankan oleh Awashty et al. (2020) mendapati, halangan terhadap tingkah laku seperti krisis kepercayaan dan juga isu-isu yang berkaitan pemikiran adalah merupakan bentuk halangan yang lebih mencabar berbanding dengan matlamat bagi pembentukan sesebuah hubungan kolaboratif industri. Lantaran itu, satu proses peningkatan latihan yang sistematik serta pembelajaran yang terfokus diperlukan dalam pemantapan kemahiran dan keyakinan individu bagi memudahkan pelaksanaan terhadap sesuatu tugas yang diamanahkan (Khairuneezam, 2004).

Sehubungan dengan itu, menerusi pembacaan pengkaji terhadap kajian-kajian yang lepas berkaitan hubungan kolaboratif industri mendapati, kebanyakannya adalah terhad kepada indikator-indikator dalam menentukan kejayaan sesebuah hubungan kolaboratif (Ramli dan Senin, 2021); serta kerangka kerja penambahbaikan hubungan kerjasama industri yang berkesan (Awashty et al., 2020). Manakala, kajian yang dijalankan oleh Dasgupta (2017) pula menekankan elemen-elemen berkenaan jangkaan kehendak dalam hubungan kolaboratif di antara institusi pendidikan dan juga industri dalam penghasilan modal insan yang berkualiti. Akan tetapi pada kajian-kajian yang terdahulu, ia masih lagi kurang menekankan berkenaan kajian yang berkaitan dengan keperluan latihan serta bentuk-bentuk kemahiran persediaan yang khusus diperlukan oleh wakil kolaboratif industri sebelum sesebuah hubungan kolaboratif industri dilaksanakan. Hal ini kerana, keperluan latihan adalah merupakan satu langkah yang penting serta satu bentuk usaha yang signifikan bagi meningkatkan kemampuan





seseorang untuk melaksanakan tugasnya serta dapat memainkan peranan yang telah ditetapkan oleh organisasi dengan lebih berkesan (Khairuneezam, 2004).

Selain dari itu, kepelbagaian latar belakang dan juga kemahiran tersendiri yang dimiliki oleh KUPLI serta komitmen pengurusan di KV yang berbeza-beza boleh membawa kepada ketidakpadanan hasil kolaboratif dan matlamat kerjasama yang setara di setiap KV. Selari dengan kajian oleh Ramli dan Senin (2021), beliau menyatakan bahawa perbezaan latar belakang sesebuah organisasi akan membawa kepada bentuk kejayaan hubungan kolaboratif yang berbeza kerana sifat hubungan kerjasama yang berbentuk subjektif. Justeru itu, pengkaji mendapati terdapat keperluan bagi membangunkan sebuah kerangka latihan dalam perkhidmatan bagi KUPLI sebagai satu bentuk persediaan latihan yang sistematik terhadap pelaksanaan hubungan kolaboratif industri di KV. Ia juga akan berperanan bagi proses penyediaan latihan dan juga pembangunan kemahiran profesional yang piawai dalam menyediakan KUPLI yang kompeten semasa mengendalikan proses rundingan dan juga pelaksanaan hubungan kolaboratif yang berkesan. Implikasi kajian ini dilihat sebagai satu kaedah pengesanan keperluan dalam meningkatkan kualiti penyampaian dan juga pelaksanaan hubungan-hubungan kerjasama industri di bawah seliaan Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV). Menerusi persediaan yang menyeluruh, proses pelaksanaan hubungan kolaboratif industri yang berkesan akan dapat dilaksanakan bagi membentuk jangkaan hasil kolaboratif industri yang maksimum. Kajian ini juga turut dilihat sebagai satu bentuk dukungan terhadap inisiatif-inisiatif kerajaan dalam fokus bagi meningkatkan kepakaran tenaga-tenaga mahir bidang TVET negara.



1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi membangunkan sebuah kerangka latihan dalam perkhidmatan terhadap Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri (KUPLI) di Kolej Vokasional. Secara khususnya kajian ini dilaksanakan dengan tujuan untuk;

- 1) Meneroka hubungan kolaboratif industri di kolej vokasional berdasarkan pandangan Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri (KUPLI).
- 2) Meneroka isu dan keperluan Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri (KUPLI) di kolej vokasional dalam mewujudkan hubungan kolaboratif industri yang berkesan.
- 3) Membangunkan kerangka latihan dalam perkhidmatan terhadap Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri (KUPLI) bagi pelaksanaan kolaboratif industri yang berkesan.


1.5 Persoalan Kajian

Berikut adalah merupakan soalan tertentu yang dapat digunakan pengkaji untuk memandu kajian ini.

- 1) Bagaimanakah hubungan kolaboratif industri di kolej vokasional dilaksanakan?
- 2) Apakah isu dan keperluan dalam mewujudkan hubungan kolaboratif industri yang berkesan?
- 3) Apakah komponen-komponen bagi pelaksanaan hubungan kolaboratif industri yang berkesan?

1.6 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konseptual merupakan gabungan pengalaman, pengetahuan penyelidik dan juga penelitian yang dibuat ke atas literatur dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan faktor kajian yang dijalankan (Othman Lebar, 2018). Kerangka konsep ini akan digunakan oleh pengkaji sebagai satu bentuk garis panduan sepanjang melaksanakan kajian ini. Tujuan utama pengkaji dalam melaksanakan kajian ini adalah bagi mengenalpasti isu dan keperluan dalam proses pelaksanaan hubungan kolaboratif industri di KV. Seterusnya pada akhir kajian ini, satu cadangan penambahbaikan akan dikemukakan menerusi satu bentuk kerangka latihan dalam perkhidmatan bagi mengatasi isu dan juga keperluan yang diperlukan oleh KUPLI berdasarkan kepada komponen-komponen kolaboratif industri berkesan yang telah dikenalpasti.



Rajah 1.1. Kerangka konsep kajian ini diadaptasi dari kerangka konsep Khairuneezam (2004)



Merujuk kepada ilustrasi pada rajah 1.0, pengkaji menggunakan model yang diadaptasi daripada kerangka konsep yang digunakan oleh Khairuneezam (2004) bagi menggambarkan faktor-faktor dan kategori bagi informan-informan yang terlibat sebagai *input* kajian serta kerangka latihan yang bertindak sebagai satu bentuk langkah penambahbaikan bagi *output* pada kajian ini. Berdasarkan kerangka konsep kajian ini, dapat dilihat bahawa latihan adalah merupakan elemen pangerak utama dalam menentukan perjalanan dan pengoperasian bagi sesebuah organisasi (Blanchard dan Thacker, 1999). Menurut Khairuneezam (2004), latihan adalah merupakan tulang belakang yang memastikan kesediaan pekerja dengan perubahan yang berlaku dalam organisasi hasil daripada perubahan-perubahan yang berlaku di dalam persekitaran organisasi. Perubahan-perubahan ini akan memberikan rangsangan terhadap keperluan latihan yang diperlukan, perancangan yang berkesan dan juga bentuk penyediaan latihan yang bersesuaian dengan keperluan semasa ahli organisasi. Impaknya, ia akan kembali semula kepada pembentukan persekitaran organisasi yang lebih mantap dan berkesan.

Berdasarkan kepada kerangka konsep yang dibina oleh pengkaji yang lepas, pengkaji telah mengadaptasi kerangka konsep ini dengan mengkaji kesan persekitaran organisasi seperti keperluan terhadap pelaksanaan kolaboratif industri, pembangunan modal insan, proses transformasi TVET, bidang-bidang strategik dalam hubungan kolaboratif dan juga pembangunan profesional terhadap KUPLI dalam konteks pelaksanaan hubungan kolaboratif industri di KV. Dalam proses pelaksanaan hubungan kolaboratif industri di KV, perspektif daripada informan KUPLI dalam konteks pandangan dan juga pengalaman akan digunakan oleh pengkaji sebagai sumber pada kajian ini. Selain dari itu, pandangan serta pengalaman daripada informan UKHI juga





akan digunakan oleh pengkaji yang mana informan ini adalah merupakan pihak yang menyelaras bagi pelaksanaan hubungan kolaboratif industri di KV. Perkongsian dan juga pandangan yang diperolehi menerusi kumpulan-kumpulan informan ini dikategorikan sebagai *input* bagi kajian ini. Ia akan digunakan untuk membangunkan soalan-soalan kajian berdasarkan demografi informan dan juga latar belakang masing-masing. Setelah isu dan keperluan dalam pelaksanaan hubungan kolaboratif industri di KV dikenalpasti, satu bentuk kerangka latihan akan dibangunkan sebagai satu bentuk cadangan penambahbaikan atau solusi yang akan merupakan *output* pada kajian ini.

Dengan demikian, menerusi *output* iaitu kerangka latihan dalam perkhidmatan terhadap KUPLI pada kerangka konsep kajian ini, ia diharap dapat mewujudkan motivasi kerja yang tinggi dan juga tahap kepuasan kerja yang lebih baik kepada KUPLI yang kompeten dalam merencana hubungan-hubungan kolaboratif industri yang berkesan. Menurut Herzberg (2005), seseorang individu akan beroleh kepuasan dalam bekerja sekiranya organisasi mengambil berat terhadap perkembangan kerjaya dan keperluan, serta memberikan peluang untuk lebih maju dan membangun dalam organisasi. Kepuasan dalam bekerja ini merupakan satu langkah yang berkesan bagi meningkatkan motivasi KUPLI dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan bagi pelaksanaan hubungan kolaboratif industri yang berkesan.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberi panduan kepada pihak pembuat dasar iaitu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) secara amnya dan juga kepada Bahagian





Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) khasnya. Kepentingan daripada kajian ini dijangka dapat memberikan manfaat serta faedah dalam proses penyediaan latihan, memenuhi keperluan yang spesifik serta perancangan terhadap program-program peningkatan kemahiran yang sewajarnya terhadap Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri (KUPLI) agar lebih berdaya saing dalam pelaksanaan hubungan kolaboratif industri di KV. Menerusinya, gambaran yang baik terhadap wakil pengendali kolaboratif industri di KV dan institusi pendidikan TVET dapat diberikan kepada pihak industri melalui proses penyampaian yang baik serta gerak kerja yang tersusun. Ia juga dapat mencerminkan reputasi institusi pendidikan TVET sebagai sebuah institusi latihan yang komited terhadap pembangunan modal insan yang berkemahiran tinggi serta menepati keperluan semasa industri. Selain dari itu juga, kajian ini juga dapat memberikan manfaat kepada beberapa pihak yang berkepentingan lain. Antara pihak yang terlibat adalah:



1.7.1 Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV)

Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pihak BPLTV menerusi Unit Kerjasama dan Hubungan Industri (UKHI) dalam menyediakan garis panduan yang lebih komprehensif terhadap proses penyediaan latihan serta program peningkatan kompetensi KUPLI bagi pelaksanaan hubungan kolaboratif industri yang berkesan. Melalui persediaan yang menyeluruh serta proses pengendalian rundingan yang baik dan dikendalikan oleh wakil kolaboratif yang kompeten, ia dijangka dapat meningkatkan peluang kejayaan dalam pelaksanaan hubungan kolaboratif industri yang dirancang. Hasil kajian ini juga boleh dijadikan rujukan oleh pihak BPLTV dalam





merangka tindakan yang proaktif dalam mengurangkan jurang perbezaan kualiti hubungan kolaboratif industri di antara KV.

1.7.2 Kolej Vokasional

Dapatan daripada kajian ini juga dapat digunakan oleh pihak kolej vokasional dalam merangka keperluan latihan dan juga keperluan-keperluan lain yang diperlukan oleh KUPLI berkaitan dengan pelaksanaan hubungan kolaboratif industri di KV. Ini adalah kerana KUPLI yang terlatih akan mempunyai visi serta hala tuju yang jelas dan berkemampuan bagi melaksanakan proses rundingan kolaboratif industri yang berkesan. Menerusi dapatan ini juga, kaedah penetapan kriteria terhadap calon KUPLI boleh ditentukan seperti mempunyai kemahiran interpersonal yang baik, mempunyai pengalaman industri yang luas, mempunyai rangkaian dengan pihak indsutri serta kemahiran dalam penguasaan bahasa kedua yang baik. Hal ini kerana, KUPLI yang kompeten akan berperanan dengan baik bagi mewujudkan dan mengekalkan keseimbangan hubungan simbiosis kolaboratif dalam mencapai matlamat kolaboratif yang direncana.

1.7.3 Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI)

Dapatan kajian ini diharap dapat meningkatkan kualiti pengurusan bagi pelaksanaan hubungan kolaboratif industri di KV pada masa hadapan. Peranan yang dimainkan oleh UPLI tidak seharusnya menjurus kepada pelaksanaan hubungan kolaboratif semata-





mata, akan tetapi perlu diperluaskan kepada pelaksanaan program-program peningkatan kemahiran serta kompetensi pasukan pengendali kolaboratif industri. Perkara ini adalah bagi memastikan setiap ahli pasukan mempunyai matlamat yang jelas, terlatih serta cekap dalam merencana strategi yang berkesan bagi mendapatkan hasil kolaboratif yang maksimum dalam setiap hubungan kolaboratif industri yang dilaksanakan.

1.7.4 Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri (KUPLI)

Dapatan kajian ini diharap dapat meningkatkan fungsi KUPLI bagi pelaksanaan hubungan kolaboratif yang berkesan. Menerusi kerangka latihan ini juga, KUPLI akan dapat mengesan akan keperluan serta kemahiran yang diperlukan bagi melaksanakan sesebuah hubungan kolaboratif industri. Ia juga dapat digunakan sebagai satu bentuk instrumen dalam menilai kekuatan serta kelemahan yang dimiliki agar langkah penambahbaikan yang berterusan dapat dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut keperluan semasa pelaksanaan hubungan kolaboratif industri antara KV dan industri.

1.8 Skop Kajian

Skop kajian adalah merupakan gambaran terhadap ruang lingkup yang secara umumnya adalah berkenaan dengan ruang lingkup terhadap penerokaan bagi penyelidikan yang dijalankan serta penetapan bentuk parameter bagi kajian. Justeru itu, skop kajian dalam





penyelidikan ini telah ditetapkan kepada ruang lingkup bagi pelaksanaan hubungan kolaboratif industri oleh KUPLI di kolej vokasional.

1.9 Batasan Kajian

Batasan kajian adalah satu bentuk limitasi dalam menggariskan takat dapatan kajian yang akan memberikan sumbangan kepada pemahaman serta pengetahuan dalam bidang kajian yang dikaji (Othman Lebar, 2018). Justeru, batasan kajian pada kajian ini hanya terbatas kepada Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri (KUPLI) dan juga Unit Kerjasama dan Hubungan Industri (UKHI), BPLTV yang merupakan tulang belakang serta wakil perunding dalam pelaksanaan hubungan kerjasama industri di kolej vokasional. Batasan kajian ini juga menumpukan perhatian kepada isu dan keperluan dalam pelaksanaan hubungan kolaboratif industri yang berkesan. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada pelaksanaan hubungan kerjasama industri bagi institusi-institusi latihan TVET yang lain di seluruh Malaysia.

1.10 Definisi Istilah

Bahagian ini membincangkan definisi istilah-istilah yang berkaitan dengan konteks kajian ini bagi tujuan menjelaskan istilah yang digunakan pada kajian ini.





1.10.1 Kerangka Latihan

Rangka latihan sering kali ditafsirkan sebagai maklumat awal yang realistik berkenaan dengan program latihan yang dijalankan sama ada sebelum atau semasa menghadiri program latihan (Baldwin dan Ford, 1988). Dalam kajian ini, kerangka latihan merujuk kepada konsep latihan yang dirangka berdasarkan gabungan beberapa tema yang wujud daripada dapatan kajian.

1.10.2 Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)

Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) adalah merupakan latihan yang berbentuk kursus jangka pendek, latihan jangka sederhana, latihan jangka panjang atau kursus sambilan (Pekeliling Perkhidmatan KPM Bil.3, 2020). Dalam kajian ini, ia merujuk kepada sebuah kerangka latihan dalam perkhidmatan yang dibangunkan bagi meningkatkan kompetensi KUPLI sebagai wakil kolaboratif industri yang berkesan di KV.

1.10.3 Kolaboratif Industri

Kerjasama industri adalah merujuk kepada aktiviti kerjasama, perkongsian atau kerjasama strategik di antara pihak KV dan juga pihak industri. Pelaksanaannya boleh dilaksanakan menerusi pelbagai bentuk platform dan inisiatif seperti latihan sangkutan industri, penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran, khidmat kepakaran dan juga konsultasi (Garis Panduan Kerjasama dan Hubungan Industri KV KPM, 2021). Dalam





kajian ini, kerjasama industri merujuk kepada hubungan kolaboratif yang dilaksanakan oleh KUPLI dengan melalui proses-proses pelaksanaan kolaboratif industri yang selari dengan garis panduan yang telah ditetapkan.

1.10.4 Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI)

Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) adalah merupakan satu unit yang menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang bersangkutan dengan latihan industri dan juga penyeliaan pelajar. Selain dari itu, unit ini juga berfungsi sebagai unit perantara bagi jalinan hubungan kolaboratif di antara KV dan industri yang melibatkan bidang penyelidikan, pengajaran, pembelajaran, perkongsian kepakaran dan sebagainya (Garis Panduan Kerjasama dan Hubungan Industri KV KPM, 2021). Justeru, dalam kajian ini UPLI adalah merujuk kepada sebuah pasukan pengendali hubungan kolaboratif yang berperanan sebagai unit perantara di antara KV dengan pihak industri.

1.10.5 Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri (KUPLI)

Ketua Unit Perhubungan dan Latihan Industri (KUPLI) adalah merupakan ketua unit di Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) yang berperanan dalam menyelaraskan aktiviti-aktiviti yang bersangkutan dengan latihan industri serta penyeliaan pelajar. Selain dari itu, KUPLI juga berperanan dalam merancang serta melaksanakan hubungan kolaboratif industri di antara KV dan juga industri (Garis Panduan Kerjasama dan Hubungan Industri KV KPM, 2021). Dalam kajian ini, KUPLI merujuk kepada



ketua unit yang berperanan sebagai wakil perunding bagi pelaksanaan hubungan kolaboratif yang melibatkan pihak industri dan juga pihak-pihak lain yang berkepentingan bagi manfaat KV dan juga pelajar.

1.11 Rumusan

Bab ini secara keseluruhannya membincangkan berkenaan dengan permasalahan yang berlaku dalam pelaksanaan hubungan kolaboratif industri di KV. Menerusi isu serta permasalahan yang dikenalpasti, satu langkah penambahbaikan yang menyeluruh serta perancangan yang strategik perlu dirangka terhadap KUPLI bagi memandu hala tuju kepada pelaksanaan hubungan kolaboratif industri yang berkesan. Sehubungan dengan itu, melalui kerangka latihan dalam perkhidmatan yang dibangunkan terhadap KUPLI ini, ia diharap dapat memberikan satu cadangan penambahbaikan dalam meningkatkan keberkesanan fungsi KUPLI dalam melaksanakan hubungan kolaboratif di antara pihak KV dan juga industri.